

RAMADHAN MUSLIM CILIK

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN MELUKIS KOMIK

Tema: Cahaya Al Quran di Hatiku

1. Syarat

- *Terbuka kepada Kategori B (7 – 9 tahun) & Kategori C (10 – 12 tahun) sahaja.*
- Pertandingan secara berseorangan sahaja.
- Peserta hanya boleh menghantar satu penyertaan sahaja.
- Hanya lukisan tangan sahaja dibenarkan. Lukisan digital tidak diterima.
- Komik mestilah berwarna hitam putih.
- Saiz komik adalah berukuran saiz A4 dan hanya 1 muka surat sahaja.
- Jalan cerita komik hendaklah menepati tema 'Cahaya Al Quran di Hatiku'. Anda digalakkan untuk membuat kajian tema tersebut daripada rujukan hadis dan AlQuran untuk anak-anak.
- Idea dan lukisan komik mestilah hasil karya sendiri dan tidak pernah disiarkan di mana-mana platform media. Plagiat adalah tidak dibenarkan sama sekali. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya mempunyai unsur-unsur plagiat.

2. Pemarkahan

Setiap penyertaan akan dinilai dari segi kemahiran melukis, kekemasan, teknik penceritaan dan memenuhi tema oleh pihak juri yang dilantik oleh pihak penganjur.

3. Imbas (Scan) atau ambil gambar (snap) hasil lukisan

Setelah selesai melukis, sila imbas (scan) atau ambil gambar (snap) hasil karya anda.

4. Daftar dan hantar karya anda

Sila daftar butiran dan muatnaik hasil karya anda menerusi ruang yang disediakan dalam borang pendaftaran selewat-lewatnya pada **30 Mac 2025** (Ahad) sebelum jam 4:00 petang. Anda digalakkan untuk menghantar karya seawal mungkin bagi mengelakkan kesesakan pada laman sesawang.

Pautan untuk menghantar karya: <https://www.haluan.org.my/event/rmc2025>

5. Keputusan

Pemenang akan diumumkan di TVHALUAN pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Pihak penganjur akan menghubungi ibubapa/penjaga pemenang bagi urusan penyerahan hadiah. Untuk maklumat terkini, sila layari [Facebook Haluanita](#).